

04 SEP 1997

Putrajaya

PEJABAT MAHATHIR BERPINDAH KE PUTRAJAYA PADA OKTOBER TAHUN DEPAN

PUTRAJAYA, 4 Sept (Bernama) -- Pejabat Perdana Menteri akan berpindah ke Putrajaya, pusat pentadbiran baru Persekutuan, pada Oktober tahun depan.

Pengarah Bahagian Perancangan dan Pelaksanaan Perbadanan Putrajaya, Jebasingam Issace John berkata pejabat itu yang pembinaannya kini 30 peratus siap, boleh diduduki menjelang tahun depan.

Fasa 1A projek Putrajaya dijangka siap menjelang 1998, kata beliau ketrika memberi taklimat kepada delegasi Kanada yang diketuai oleh Setiausaha Negara bagi Asia Pasifik Raymond Chan.

Jebasingam juga berkata 70 peratus daripada Putrajaya akan dihubungkan melalui sistem pengangkutan awam bersepadu sementara baki 30 peratus oleh pengangkutan swasta.

Katanya, Putrajaya dihubungkan melalui rangkaian antara bandaraya menghubungkan Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

Beliau berkata ia mengambil masa kira-kira 15 minit untuk perjalanan antara Putrajaya, Kuala Lumpur dan KLIA apabila semua kemudahan beroperasi.

Mengenai lawatan empat harinya ke Malaysia mulain Selasa, Chan berkata lawatan itu bertujuan mempromosi keupayaan Kanada dan kepakaran di kalangan rakyat Malaysia.

"Kami akan mengenal pasti secara khusus peluang perniagaan dan pelaburan yang rakyat Malaysia dan Kanada boleh bekerjasama," kata Chan.

Beliau mengetuai delegasi 25 anggota mengandungi wakil dari sektor bio-teknologi, telekomunikasi, pengangkutan, minyak dan gas, pengurusan hutan, perkhidmatan kewangan dan pendidikan.

Ini merupakan lawatan Chan yang keempat ke Malaysia. kali pertama ialah pada Ogos 1994 selepas menyandang jawatan itu.

Yang turut hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia Andre S. Simard. -- BERNAMA

APG TS FAZ